

TEKS UCAPAN
YB ANTHONY LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
Majlis Pelancaran Program Latihan Pemandu Lori Pengangkut Kereta untuk
Pengendalian Kenderaan Elektrik (EV)
Terminal Kapal Persiaran Pelabuhan Klang, 24 April 2025

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani,

1. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Northport serta rakan-rakan strategiknya iaitu CLLB dan KPX, di atas jemputan untuk merasmikan program ini. Program latihan pada hari ini merupakan satu lagi usaha penting ke arah memperkukuhkan ekosistem kenderaan elektrik (atau EV) di negara kita. Sebagai salah satu pintu masuk utama negara, Pelabuhan Klang memainkan peranan besar dalam menerima kemasukan kenderaan, termasuk EV yang semakin meningkat di pasaran tempatan.
2. Pelancaran Program Latihan Pemandu Lori Pengangkut Kereta untuk Pengendalian EV ini adalah sangat tepat pada masanya. Dalam usaha Kerajaan untuk memacu penggunaan EV di Malaysia, kita perlu memastikan kesiapsiagaan industri dan tenaga kerja kita dalam menangani cabaran logistik, khususnya dalam memastikan penghantaran dan pengendalian kenderaan EV dengan selamat dan efisien dari pelabuhan ke *showroom* dan pelanggan di seluruh negara.
3. Pemandu kenderaan pengangkut kereta atau “*car-carrier*” adalah antara pemain utama dalam rantai logistik ini. Mereka adalah individu pertama yang mengendalikan kenderaan EV secara langsung, sejurus tiba dari kapal. Oleh itu, adalah perlu dan penting untuk kita membekalkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan mengenai pengendalian, pengangkutan dan langkah kecemasan berkaitan EV.
4. Saya merasa teruja apabila dimaklumkan bahawa program ini bukan sahaja merangkumi aspek teori, tetapi turut melibatkan latihan praktikal, termasuk memahami risiko ‘*thermal runaway*’, status bateri, teknik pemuatan yang betul sehinggalah kepada amalan pemanduan selamat. Pendekatan dan pengajaran secara menyeluruh ini adalah bagi memastikan amalan terbaik keselamatan dan operasi dilatih sejak awal.
5. Saya turut dimaklum bahawa program ini adalah lanjutan kepada pembangunan *EV and Battery Management* atau *EVBM Guidelines (Industry Self-Regulation)* yang telah dilancarkan semasa IGEM 2024. Syabas kepada pihak Northport yang telah bekerjasama dengan MPC, MARii dan MITI sebagai tunggak utama menghasilkan ‘*Guidelines*’ ini. Ianya menunjukkan kesinambungan dan komitmen oleh semua

pihak yang terbabit di dalam usaha kita membangunkan ekosistem EV yang selamat, mampan dan tersusun.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Inisiatif pada hari ini adalah selari dengan agenda Kerajaan untuk memacu penggunaan EV dan pembangunan infrastruktur yang berkaitan. Di bawah Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030, Malaysia menyasarkan untuk menyediakan 10,000 stesen pengecas EV menjelang tahun 2025 bagi menyokong peralihan kepada mod pengangkutan rendah karbon.
7. Di pihak MOT juga, kita telah memperkenalkan langkah keselamatan khusus untuk menyokong peralihan ini. Antaranya ialah keperluan untuk semua EV baharu didaftarkan dengan pemasangan nombor plat khas berteknologi RFID, dikenali sebagai JPJePlate. Langkah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pengenalpastian kenderaan, memperkukuh keselamatan dan menyokong pertumbuhan sistem pengangkutan pintar dan EV di Malaysia.
8. Selain itu, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), sebuah agensi di bawah MOT, turut membangunkan *Safety Guide for Road Users and Public Concerning Electrified Vehicle Incident Management (MyEVIM)*. Panduan ini diwujudkan dengan tujuan bagi memastikan keselamatan dan kesiapsiagaan pengguna jalan raya serta orang awam dalam menghadapi insiden berkaitan EV.
9. MOT amat menyokong usaha seperti program latihan pada hari ini dan menggalakkan lebih banyak kerjasama antara sektor awam dan swasta yang memfokuskan kepada penambahbaikan standard keselamatan, kesiapsiagaan industri dan penyertaan menyeluruh dalam peralihan kepada EV. Kita perlu memperkasa, bukan sahaja pengeluar dan pengimport, tetapi juga *transporter*, petugas logistik, pengendali Pelabuhan, agensi penguat kuasa dan yang paling utama – tenaga kerja kita. Pendekatan inklusif ini adalah amat penting.
10. Program latihan seperti ini juga boleh menyumbang secara terus kepada komitmen Malaysia terhadap matlamat alam sekitar dan perubahan iklim. Dengan memastikan pengendalian EV yang selamat dan cekap, kita bukan sahaja melindungi pekerja dan infrastruktur, malah kita mampu untuk mempercepatkan peralihan negara ke arah penyelesaian pengangkutan mampan yang mengurangkan pelepasan karbon dan kesan terhadap alam sekitar.
11. Pada kesempatan ini, saya ingin menyampaikan rasa penghargaan kepada kepimpinan Northport dalam memperjuangkan aspek keselamatan, latihan dan tanggungjawab alam sekitar dalam sektor logistik pelabuhan. Menerusi pusat latihan *Northport International Centre of Excellence (NICE)*, Northport telah membuktikan bahawa kerjasama strategik dan kolaborasi industri bersama pihak Kerajaan adalah kunci dalam memacu agenda EV negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Inisiatif pada hari ini membuktikan bahawa peralihan kita kepada EV bukan semata-mata tentang teknologi – ia juga tentang manusia. Ianya tentang memastikan tenaga kerja kita bersedia menghadapi masa depan dan sektor logistik kita kekal kompetitif, efisien dan yang paling penting – selamat. Jadikanlah program kita pada hari ini sebagai langkah pertama kepada lebih banyak lagi usaha ke arah mobiliti hijau yang lebih profesional. Tenaga kerja mahir yang kita latih hari ini bakal menjadi tulang belakang kepada ekosistem pengangkutan mampan Malaysia pada masa depan.
13. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Northport, CLLB dan KPX atas inisiatif penting ini. Saya berharap akan ada lebih banyak program seperti ini dilaksanakan di seluruh negara selepas ini.
14. Dengan harapan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Latihan Pemandu Lori Pengangkut Kereta untuk Pengendalian Kenderaan Elektrik.

Sekian, terima kasih.